

Gerak kempen elak kes budak maut dalam kenderaan berulang



Penolong profesor Faktor Manusia dan Ergonomik di Kulliyah Sains Kesihatan Bersekutu, Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Pahang

Oleh Dr Mohd Zubairy Shamsudin
bhrencana@bh.com.my

Kanak-kanak maut disebabkan tertinggal dalam kenderaan akibat ibu bapa terlupa keberadaan anak mereka dikenali sebagai 'sindrom lupa anak' atau *forgotten baby syndrome*.

Sindrom ini berlaku disebabkan pelbagai faktor, antaranya perubahan rutin harian, tekanan, terlalu memikirkan perkara penting ketika memandu, keletihan, kelesuan atau cuba melakukan pelbagai tugas serentak.

Segala faktor ini menyebabkan ibu bapa cenderung lupa keberadaan anak dalam kenderaan, terutama apabila anak kecil belum mampu bersuara atau sedang tidur.

Ia dipengaruhi dua jenis memori, iaitu memori *habit* dan memori prospektif. Memori *habit* membabitkan tindakan berulang dilakukan secara automatik.

Sementara itu, memori prospektif adalah perancangan tindakan yang seterusnya perlu dilakukan. Contoh memori *habit* adalah pemanduan ke tempat kerja.

Sebaliknya, memori prospektif berkaitan dengan proses perancangan tindakan seterusnya yang perlu dilakukan seperti menghantar kanak-kanak ke

pusat penjagaan.

Dalam situasi tertentu memori *habit* boleh mengatasi memori prospektif sehingga menyebabkan terlupa melakukan tindakan dirancang. Keadaan ini mungkin mempengaruhi ibu bapa yang kadangkala terlupa mengenai keberadaan anak dalam kenderaan.

Pihak berkepentingan perlu mengambil serius isu lupa anak dalam kenderaan bagi mengelakkan berulangnya peristiwa sedemikian.

Strategi intervensi boleh merangkumi teknologi dan pendekatan sosial sebagai langkah proaktif dalam menangani perkara ini. Sebagai contoh, penyelesaian teknologi seperti penggunaan aplikasi telefon pintar seperti *Waze* mempunyai fungsi peringatan mengenai kanak-kanak di tempat duduk belakang adalah baik untuk diamalkan.

Bagi menangani isu yang timbul ini, institusi pengajian tinggi (IPT) atau pusat penyelidikan perlu memainkan peranan penting dalam merancang penyelidikan dan pembangunan teknologi keselamatan kanak-kanak dalam kenderaan.

Sokongan dana penyelidikan dan pembangunan (R&D) mencukupi daripada kerajaan amat penting. Selain itu, kerjasama dan sokongan pihak industri amat penting dalam menjayakan R&D ini.

Sebagai ganjaran kepada kerjasama ini, kerajaan boleh memberikan insentif kompetitif kepada in-

dustri, termasuk manfaat pengurangan cukai.

Sementara itu, intervensi sosial perlu digerakkan menerusi kementerian relevan, seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Kementerian Sumber Manusia dan jabatan berkaitan.

Mereka bertanggungjawab membentuk dasar, strategi dan amalan untuk menangani isu ini. Pembabitkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga mampu menjadi pendorong untuk mencegah sindrom lupa anak ini.

Kerajaan harus memulakan inisiatif kempen nasional 'Jangan Lupa Anak' secara menyeluruh sama ada media elektronik dan media sosial.

NGO boleh diajak memainkan peranan dari sudut perancangan dan pelaksanaan program sokongan kepada masyarakat dengan matlamat untuk meningkatkan kesedaran keselamatan kanak-kanak dalam kalangan komuniti sasaran.

Apa yang penting, langkah holistik termasuk pemahaman faktor penyebab, strategi intervensi dan pelaksanaan perlu diambil kira. Kerjasama antara kerajaan, industri dan NGO perlu digembleng segera bagi memastikan peristiwa kes serupa tidak berulang.

Kesinambungan usaha bersama semua pihak adalah kunci untuk melindungi kanak-kanak daripada terus menjadi mangsa sindrom lupa ini.